



**MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
BAHAGIAN RISIKAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK PERTAHANAN**

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
E-mel : brksp@mod.gov.my
Web: www.mafhq.mil.my

KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR
29 NOVEMBER 2024
(Dikeluarkan pada jam 1.30 petang)**

MALBATT 850-12 SALURKAN SUMBANGAN KE HOSPITAL TIBNINE

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Pasukan MALBATT 850-12 telah melaksanakan program *Civil Military Cooperation* (CIMIC) di *Tibnine Government Hospital* sebagai sebahagian daripada usaha membantu masyarakat setempat menghadapi cabaran musim sejuk pada 26 November 2024.

Di dalam program ini, Komander MALBATT 850-12, Kol Johan Effendi bin Haji Mohd Shalleh, menyerahkan pelbagai sumbangan termasuk ubat-ubatan, peralatan hospital, mainan, bahan bacaan kanak-kanak daripada NGO Malaysia kepada wakil Pengarah Hospital Tebnine, En. Hasan Abbas.

Sumbangan tersebut adalah sebahagian daripada komitmen MALBATT 850-12 untuk memperkukuhkan hubungan dengan komuniti setempat. Inisiatif ini bertujuan meringankan beban masyarakat tempatan dan menyokong misi UNIFIL dalam mempromosikan keamanan dan kesejahteraan.

Program CIMIC ini merupakan aktiviti pertama yang dilaksanakan oleh MALBATT 850-12 sejak mengambil alih tugas operasi pada 16 November 2024. Kejayaan program ini menjadi langkah awal yang signifikan dalam membina kepercayaan dan hubungan erat antara pasukan pengaman dan masyarakat tempatan.

-TAMAT-

“ANGKATAN MASA HADAPAN : BENTENG PERTAHANAN NEGARA”

